

## BERITA HARIAN

# NISBAH HUTANG

Perhalusi beban kewangan sebelum buat pinjaman

**N**ISBAH hutang kepada pendapatan menunjukkan jumlah pembayaran balik bulanan semua pinjaman berbanding jumlah pendapatan kasar bulanan anda.

Nisbah yang tinggi menunjukkan seseorang itu tidak mempunyai wang yang cukup untuk menampung perbelanjaan bulannya.

Sebagai panduan am, jumlah pembayaran balik bulanan bagi semua pinjaman termasuk hutang kad kredit tidak boleh melebihi 40 peratus daripada pendapatan kasar anda.

Kita lihat kiraan nisbah hutang kepada pendapatan dengan melihat contoh kedudukan kewangan ini.

\* Pendapatan bulanan Ahmad ialah RM3,800. Jumlah pembayaran balik bulanan pinjaman rumah, sewa beli kereta dan kad kredit ialah RM2,128.



## Nisbah hutang kepada pendapatan:

- > Pembayaran Balik Bulanan Pendapatan Kasar
- > RM2,128  
RM3,800 x 100 peratus
- > 56 peratus

Seperti yang anda boleh lihat, nisbah hutang kepada pendapatan adalah lebih daripada nisbah yang disarankan. Dalam keadaan seperti ini, Ahmad harus berusaha

untuk mengurangkan nisbah berkenaan.

Jadi, bagaimana caranya untuk mengurangkan nisbah hutang kepada pendapatan anda? Nisbah ini boleh diperbaiki dengan cara meningkatkan tahap pendapatan dan/atau mengurangkan komitmen pinjaman anda.

Anda dinasihatkan tidak terlalu memikul hutang yang banyak dan menggunakan kad kredit secara berlebihan. Ia akan memberi kesan kepada nisbah hutang kepada pendapatan dan mungkin menjejaskan kelayakan kredit

anda pada masa hadapan.

## Menjadi seorang penjamin

APABILA kedudukan kredit seseorang diragui, pihak pemberi pinjaman lazimnya akan meminta peminjam menyediakan penjamin untuk menjamin pinjaman berkenaan.

Penjamin bukanlah peminjam utama. Bagaimanapun, penjamin dipertanggungjawabkan atas baki pinjaman yang belum dibayar termasuk faedah jika peminjam utama gagal membuat bayaran.

Jaminan ke atas pinjaman yang diambil akan terus kekal sehingga semua hutang peminjam dilangsaikan.

Tanggungjawab penjamin tidak akan dilepaskan tanpa penyelesaian penuh pinjaman atau tanpa kebenaran daripada pemberi pinjaman terlebih dulu.



Apa yang saya perlu ingat apabila menjadi penjamin

### Fail Kes

**S**AM dan Ling menjalin hubungan sejak menuntut di kolej lagi. Selepas beberapa tahun bercinta,

Ling meminta Sam menjadi penjamin kepada pinjaman sewa beli kereta barunya.

Tanpa berfikir panjang, Sam bersetuju kerana dia sedang dilamun cinta dan

## PENJAMIN TAK TERJAMIN

mengharapkan cintanya dibalas.

Sebelum menandatangani borang penjamin, Sam tidak mendapatkan sebarang nasihat atau pandangan orang lain. Apa yang penting bagi Sam ialah cinta Ling dan dia yakin tidak lama lagi mereka akan mendirikan rumah tangga. Lagipun, Ling berjanji akan membayar ansurannya dengan teratur.

Selang beberapa bulan kemudian, ansuran pinjaman sewa beli Ling sudah mula tertunggak. Sam, seperti yang dijangka, sekali lagi termakan dengan pujuk rayu Ling dan menolong Ling

membayar ansuran pinjaman terbabit.

Sehinggalah pada suatu hari Sam mengetahui bahawa Ling sebenarnya sudah bertunang dengan orang lain. Kerana terlalu kecewa dengan perbuatan Ling, Sam membawa luka hatinya dengan berpindah ke tempat lain. Malah Sam juga beberapa kali bertukar kerja.

Disebabkan Ling gagal membuat bayaran pinjaman sewa belinya, institusi kewangan menarik balik dan melelong keretanya. Baki yang perlu dijelaskan selepas lelongan ialah RM45,000.

Apabila Ling tidak mampu membayar jumlah kerugian ini, pihak institusi kewangan mengemukakan notis tuntutan ke atas Sam selaku penjamin.

Sam juga tidak boleh membayarnya kerana jumlah yang terbabit adalah terlalu besar. Pihak institusi kewangan mula mengambil tindakan mahkamah terhadap

Sam untuk menuntut balik semua baki hutang mereka.

Oleh kerana terlalu bimbang dengan masa depannya, Sam akhirnya bertindak mendapatkan bantuan AKPK.

**Usia:** 28 tahun  
**Pekerjaan:** Jurutera  
**Status Perkahwinan:** Bujang

Info

ANDA menghadapi masalah kewangan dan ingin mendapatkan nasihat AKPK melalui kolom Bajet Bijak? Sila hantar kemusykilan anda melalui e-mel ke alamat [bminggu@bharian.com.my](mailto:bminggu@bharian.com.my) untuk diteliti dan dianalisa kaunselor AKPK. Ulasan AKPK serta soalan anda akan disiarkan di kolom Bajet Bijak.